



23 Disember 2019

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM PENGKALAN CHEPA DAN KOTA BHARU
AKAN BEROPERASI DI BAWAH SATU BUMBUNG**

Shah Alam, 23 Disember – Bermula 29 Disember 2019 (Ahad), PUSPAKOM Kota Bharu akan dinaiktaraf kepada kapasiti yang boleh mengendalikan semua jenis pemeriksaan bagi semua jenis kenderaan. Manakala PUSPAKOM Pengkalan Chepa akan ditutup bermula 27 Disember 2019 (Jumaat) bagi persediaan penggabungan operasinya dengan cawangan PUSPAKOM Kota Bharu.

“Pada masa yang sama, kerja-kerja penambahan lorong di PUSPAKOM Kota Bharu sedang giat dijalankan demi keselesaan para pelanggan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Februari 2020 hadapan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

“Penggabungan kedua-dua cawangan ini bertujuan membantu meningkatkan kecekapan operasi pemeriksaan dan keselesaan pelanggan, juga merupakan sebahagian daripada usaha kami bagi memastikan kos operasi syarikat digunakan pada tahap yang optimum,” ujar Shukor.

PUSPAKOM akan terus memberi tumpuan dalam menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Pelbagai saluran telah disediakan oleh PUSPAKOM untuk para pelanggan yang memerlukan khidmat nasihat seperti talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927, e-mel customerservice@puspakom.com.my, mesej peribadi di Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau *Live Chat* melalui laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM

Tel: +603-2052 7465 / 7322



Pengumuman Penggabungan PUSPAKOM Pengkalan Chepa dan Kota Bharu



PUSPAKOM PENGKALAN CHEPA & PUSPAKOM KOTA BHARU AKAN BEROPERASI
DI BAWAH SATU BUMBUNG

27-12-2019

Penutupan PUSPAKOM Pengkalan Chepa

29-12-2019

Semua jenis pemeriksaan di PUSPAKOM Kota Bharu tersedia

[f Puspakom Sdn Bhd](#) [@puspakom_ontheroad](#) [PUSPAKOM Sdn Bhd](#) www.puspakom.com.my | [1-800-88-6927](tel:1-800-88-6927) | customerservice@puspakom.com.my